

Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)
Headline : Ibu mangsa rentung terima bantuan daripada KRT
Kampung Muhibbah
Date : 19 April 2022
Page : 8



PRIHATIN: Mohd Azif (kiri) menyampaikan bantuan kepada Rugiah, kelihatan sama ahli KRT Kampung Muhibbah dan penduduk yang lain.

Ibu mangsa rentung terima bantuan daripada KRT Kampung Muhibbah

MIRI: Ibu kepada mangsa yang rentung dalam kebakaran di Kampung Masjid, Kuala Baram pada 12 April lalu terus mendapat bantuan daripada pelbagai pihak.

Terbaharu, mangsa Rugiah Saban yang turut tinggal sehelai sepinggang dalam kebakaran itu menerima sumbangan daripada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Muhibbah.

Sumbangan berbentuk wang tunai dan barang keper-

luan dapur itu disampaikan Pengerusi KRT Kampung Muhibbah Kuala Baram Mohd Azif Amin.

“Sumbangan ini adalah hasil daripada sumbangan penduduk kampung kami bagi meringankan beban mangsa dan keluarga.

“Walaupun tidak banyak, namun ia sebagai tanda keprihatinan kami terhadap kebajikan mangsa yang ditimpa musibah,” katanya pada majlis penyampaian di Kampung

Masjid Kuala Baram di sini, kelmarin.

Dalam kejadian pada 12 April, seramai lapan penghuni hilang tempat berteduh apabila rumah jenis separuh kekal berstruktur kayu itu musnah sepenuhnya.

Kejadian yang berlaku sekitar jam 4.59 petang itu turut mengorbankan anak mangsa, Muhd Ikram Abdullah, 12.

Menurut saksi, ketika berlaku kebakaran mangsa dipercayai sedang tidur sebelum

dijumpai rentung di bawah timbunan zink di kawasan bawah rumah oleh pasukan bomba.

Operasi pemadaman dijalankan sepasukan 10 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lopeng dengan dibantu lapan anggota BBP Miri.

Jenazah Muhd Ikram selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Masjid Kuala Baram sekitar jam 11 malam Selasa.